

Iktiraf kejayaan badan mahasiswa

VB 16.5.2019 B2

► MAHEPA kali ke-21 anjuran JHEP berlangsung dengan jayanya



TUN Juhar memukul gong tanda penyempurnaan perasmian MAHEPA Ke-21 2019.

UMS Datuk K Y Mustafa dalam ucapannya.

Sebelum itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali dalam ucapannya berkata, "Sudah tentu, sepanjang 25 tahun UMS ditubuhkan, kita menyaksikan pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh para pelajar sekaligus menghargai nama UMS disemua peringkat sama ada negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Oleh itu, kita berharap kejayaan yang berterusan ini akan menjadi sumber motivasi kepada pelajar UMS pada masa akan datang".

Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana MAHEPA Ke-21, 2019 yang berusaha keras bagi menjayakan majlis ini.

Lapaz perasmian majlis disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin.

MAHEPA kali ini mempertandingkan 20 anugerah kesemuanya kategori kumpulan, individu dan anugerah sukan. Keputusan calon-calon penerima anugerah MAHEPA Ke-21, 2019 diumumkan pada malam berkenaan.

Pemenang anugerah menerima trofi, sijil dan wang tunai. Penerima bagi kategori kumpulan Anugerah Penganjur Program Mahasiswa dimenangi oleh Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (Amar) UMS, Anugerah Pengurusan Jakmas dimenangi

oleh Jakmas Kolej Kediaman Tun Fuad, Anugerah Pengurusan Persatuan/Kelab/Organisasi Mahasiswa dimenangi oleh Kelab Mahasiswa Pemadam UMS, Anugerah Keusahawanan (Berkumpulan) dimenangi oleh Jakmas Kolej Kediaman Ecopark, Anugerah Kesenian dan Kebudayaan Berkumpulan dimenangi oleh Kelab Kebudayaan UMS, Anugerah Pasukan Kesukarelawan dimenangi oleh Kelab Kesukarelawan Siswa UMS (Kesuwa).

Bagi penerima anugerah sukan berkumpulan, Pasukan Wanita Terbaik dimenangi oleh Pasukan Bola Keranjang Wanita. Hadiah bagi kategori kumpulan ini disampaikan oleh K Y Mustafa.

Bagi kategori individu penerima Anugerah Pemimpin Mahasiswa dimenangi oleh

Muhd Jivean Johan Wira Ahmad, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman dimenangi oleh Eugene Leong Nyuk Pei Jakmas Kolej Kediaman Ecopark, Anugerah Pemimpin Persatuan/Kelab/Organisasi Mahasiswa dimenangi oleh Tee May Xian, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Anugerah Pemimpin Kesukarelawan dimenangi oleh Mohd Faizal Timhar, Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan, Pemimpin Harapan dimenangi oleh Yudhistra Subramaniam, Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan, Anugerah Keusahawanan (Individu) dimenangi oleh Nur Syazadatul Nisma Suhrani, Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan dan Pemimpin Program Pengucapan Awam dimenangi Mohd Afiq Kandi.

Bagi penerima anugerah sukan, Olahragawan dimenangi oleh Tonga Jody Edmund, Olahragawati dimenangi oleh Fathin Faqihah Mohd Yusuf, Olahragawan Harapan dimenangi oleh Mohd Naaim Firdaus Stibin manakala Olahragawati Harapan dimenangi oleh



JUBAIR Juhinin, pengusaha perniagaan ternakan arnab menerima Anugerah Khas Tokoh Alumni UMS.

Kartina Dumin. Hadiah disampaikan oleh Tun Juhar.

Sebelum itu, penyampaian penghargaan dan penerima Anugerah Khas Tokoh Alumni UMS ialah pengusaha perniagaan ternakan arnab Jubair Juhinin, dan Sably Yusin yang mengusahakan perniagaan ternakan kambing.

Turut menerima penghargaan mantan Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2017/2018, Jakmsa Kolej Kediaman bagi sesi 2018/2019, penghargaan kepada mantan Pengerusi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi penghargaan kepada mantan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu No'man Hj. Ahmad, Darwis Awang, Raffie Hj Janau, Azmi Jumat dan Ahmadi Hj. Nurdin.

Di samping itu Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Ismail Ali, turut menyampaikan tujuh nama penerima kakitangan HEPA terbaik iaitu Rohaizam Lamdin, Norain Abdul Razak, Susan Justik Lanak, Norhanieyati Norhaizat, Abdul Ghafar Brahim, Azman Soaibah dan Masnahneh Masdin. Pemilihan ini adalah berdasarkan penilaian Prof Ismail sendiri.

Penyampaian Piala Pusingan Liga Sukan Kolej, juara dimenangi Kolej Kediaman Non Resident, naib juara Kolej Kediaman Tun Fuad dan ketiga dimenangi Kolej Kediaman Excellent.

Bagi Piala Sukan Interfakulti UMS, juara dimenangi Fakulti Kejuruteraan dan Piala TNC (HEPA) dimenangi Kolej Kediaman Non Resident. Majlis turut menyampaikan Sijil Rakan Strategik kepada Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye.

Penyampaian Anugerah Khas Pencapaian Membanggakan iaitu johan dalam Pertandingan Akhir Pidato Nusa Bangsa 2019 anjuran UKM dimenangi Iskandar Zulkarnain Ramli




SUHAILA Sudirman mewakili mantan barisan MPP Sesi 2017-2018 menerima penghargaan daripada Ismail.

Quiz Peringkat IPTA/IPTS seluruh Malaysia sempena 11th MIFT Food Science and Food Technology 2019 yang berlangsung pada 6-7 April 2019. Seterusnya mewakili Malaysia ke Asena Undergraduate Food Bowl Quiz Competition di Bali, Indonesia pada Oktober 2019 diterima Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan Prof. Dr. Sharifudin Md. Shaarani.

Penyampaian khas OKU diterima Nicoles Timothy atas pencapaian mewakili Malaysia dalam sukan Special Olympic Asia Pacific Games Newcastle, Australia dan aktif dalam mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh pihak fakulti,

kolej kediaman dan universiti. Penyampaian Anugerah Khas Pencapaian Membanggakan ini disampaikan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Majlis ini dihadiri seramai hampir 550 orang tetamu termasuk Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, pegawai utama dan Kanan UMS, dekan-dekan Dekan (MTD), Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Kamisah Husin, pegawai-pegawai dan staf JHEP, barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jakmas Kolej Kediaman dan badan-badan kelab, persatuan, sekretariat dan organisasi mahasiswa, UMS.



ANGKATAN Mahasiswa Anti Rasuah (Amar) UMS menerima Anugerah Pengurusan Program Mahasiswa.



SESI bergambar penerima-penerima anugerah MAHEPA Ke-21 2018 bersama Tun Juhar dan tetamu kehormat.